

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

WHO isytihar COVID-19 pandemik

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meminta semua negara mengambil tindakan segera dan agresif untuk mengekang serta memerangi COVID-19. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberi jaminan Malaysia masih berada pada tahap awal jangkitan dan tidak perlu membuat pengisytiharan berada pada zon oren. *Muka 4, 5, 6, 55, 56*



Medan St Peter di Rome lengang susulan langkah kerajaan Itali melaksanakan sekatan pergerakan rakyatnya bagi mengekang penularan COVID-19 di negara itu.

(Foto REUTERS)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

WHO gesa semua negara bertindak segera, agresif

Malaysia berada pada kesiapsiagaan tertinggi hadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam, mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik berikutan penularan wabak itu ke 125 negara dan wilayah di seluruh dunia.

Pandemik diisytiharkan apabila wabak sesuatu penyakit itu tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan malah hingga ke seluruh dunia.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, berkata pengisytiharan itu dibuat selepas virus itu sudah menjangkiti lebih 126,100 orang dan meragut 4,717 nyawa di seluruh dunia setakat kelmarin dan angka itu dijangka terus meningkat.

"Kami sangat kluatir dengan tahap penularan dan keadaan wabak ini yang teruk, serta ada keseimbangan tindakan yang diambil setakat ini tidak mencukupi."

"Sehubungan itu, kami telah membuat penilaian bahawa COVID-19 boleh disifatkan sebagai satu pandemik," katanya semalam.

Berikutan itu, Tedros meminta semua negara mengambil tindakan segera dan agresif untuk mengekang serta memerangi virus berkenaan.

"Kami tidak pernah melihat pandemik dicituskan oleh coronavirus sebelum ini," katanya.

Jumlah kes COVID-19 di luar China meningkat 13 kali ganda dalam tempoh dua minggu lalu, manakala bilangan negara yang terkesan bertambah tiga kali ganda.

Iran dan Itali muncul negara paling teruk di Asia Barat serta Eropah dengan masing-masing mencatatkan 354 dan 827 kematian, setakat ini. Malah, Itali mencatatkan 197 kematian dalam tempoh 24 jam lalu, tertinggi sehari di luar China.

Tedros memberi amaran negara lain akan turut berada dalam situasi sama tidak lama lagi.

Di sebelah perkembangan terkini itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberi jaminan Malaysia masih lagi berada pada tahap awal jangkitan COVID-19 dan tidak perlu membuat pengisytiharan berada pada zon oren seperti dilakukan Singapura.

"Kesiapsiagaan kita berada pada tahap yang tertinggi bagi

menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes yang mendadak.

"Hospital Sungai Buloh menjadi hospital khusus jangkitan penyakit dan mempunyai 772 katil serta kemudahan dan kakitangan yang mencukupi jika kes terus meningkat," katanya pada sidang media selepas melawat Hospital Sungai Buloh di sini, semalam.

Kementerian Kesihatan juga melabel perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling di sini pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu sebagai kluster baharu selepas lima peserta majlis itu disahkan positif COVID-19, masing-masing dua rakyat Malaysia, Singapura dan seorang warga Brunei.

Serentak itu masjid berkenaan akan ditutup untuk pembersihan dan disinfeksi, kata Dr Adham.

Kementerian Kesihatan juga menjejaki kira-kira 5,000 jemaah tabligh Malaysia yang berhimpun di masjid itu.

Penularan virus itu juga menyebabkan dua kilang multinasional di Pulau Pinang, Motorola Solutions dan Keysight Technologies Malaysia Sdn Bhd terpaksa

menutup operasinya sementara.

Semalam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) turut menanggukan istiadat konvoquesyennya di kampus Shah Alam dan semua kampus cawangan yang dijadual bermula 24 Mac ini.

Serentak itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, meminta semua aktiviti perhimpunan membabitkan kehadiran ramai ditangguhkan.

Kementerian Kesihatan memaklumkan sebanyak sembilan kes baharu direkodkan semalam menjadikan kes terkumpul ialah 158, manakala sebanyak 32 kes sudah pulih.

Dalam pada itu, Bursa Malaysia ditutup rendah semalam di tengah-tengah pasaran saham global yang tidak menentu, dengan COVID-19 menjadi punca utama yang diburukkan lagi oleh penurunan harga minyak.

Penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut 24.40 mata atau 1.69 peratus kepada 1,419.43 mata daripada penutup 1,443.83 pada Rabu.

Malaysia Aviation Group



(MAG), syarikat induk Malaysia Airlines Bhd pula menawarkan pilihan cuti tanpa gaji kepada 13,000 kakitangannya berkuat kuasa bulan depan berikutan perniagaan yang lembap.

Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) menjangkakan industri pelancongan akan lebih meruncing bermula Jun ini jika penularan COVID-19 tidak dapat dibendung.

Perangkaan semasa menunjukkan ketibaan pelancong asing, khususnya dari China, Korea Selatan, Jepun dan Eropah merosot kira-kira 70 peratus sejak virus dikesan akhir tahun lalu.

Pada peringkat global, Britain dan Itali yang semakin bimbang akan impak COVID-19 terhadap bidang ekonomi, mengumumkan peruntukan berbilion dolar untuk memerangi penyakit itu.

Situasi itu menyebabkan 'keadaan kalam-kabut di seluruh dunia' dengan Itali mengarahkan semua pasar raya, kecuali farmasi dan kedai makanan, ditutup sejak kelmarin.

Australia turut memperkenalkan pakej kesihatan A\$2.4 bilion (RM6.62 bilion) bagi memerangi penyebarannya di negara itu.

Wabak itu juga semakin mengancam Eropah dengan Ireland, Albania, Belgium, Sweden dan Bulgaria mencatat kematian pertama, kelmarin.

India pula menggantung semua visa pelancong hingga 15 April depan. Denmark mengarahkan semua sekolah dan universiti ditutup hari ini selepas negara itu mencatatkan 514 kes.

Kematian akibat virus itu di Perancis pula meningkat 50 peratus kepada 48, manakala kes positif naik kepada 2,281.

Arab Saudi mengambil langkah menggantung sementara perjalanan rakyat dan penduduk serta menghentikan penerbangan membabitkan beberapa negara.

Presiden Donald Trump turut mengumumkan penggantungan semua perjalanan dari Eropah ke Amerika Syarikat (AS) selama 30 hari untuk mengekang pandemik itu.

Penularan virus itu yang semakin membimbangkan juga menimbulkan tanda tanya mengenai status pelbagai acara membabitkan perhimpunan besar-besaran yang akan berlangsung, termasuk ibadat haji di Makkah pada penghujung Julai depan.

Setakat ini, lebih lima acara antarabangsa terpaksa ditangguh atau dibatalkan, termasuk Kejuhan Olahraga Dalam Dewan Dunia di Nanjing, China yang ditunda setahun, selain perlumbaan motosikal MotoGP di Qatar.

Malah, Sukan Olimpik Tokyo yang dijadual pada bermula 22 Julai berkemungkinan turut ditunda.

Endemik, Epidemik dan Pandemik

Endemik

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

Contoh situasi:
Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia

Epidemik

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai 'wabak'. Sebagai contoh, jangkitan demam kepala pada 2 kes yang saling berkait dianggap wabak/epidemik.

Contoh situasi:
Wabak COVID-19 yang sedang berlaku di beberapa buah negara dan kejadian penyakit polio di Sabah

Pandemik

Kejadian wabak besar-besaran ke seluruh dunia. Merentasi wilayah dan membabitkan populasi yang besar. Kebiasaannya membabitkan jangkitan penyakit baharu (Novel).

Cirinya adalah membabitkan kadar serangan yang tinggi dalam masa singkat dengan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

Contoh situasi:
Kejadian 'Black Death' di antara kurun ke-14 hingga kurun ke-17 yang membabitkan kematian 2/3 penduduk dunia (penyakit hawar/Yersinia pestis)

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

TABUNG COVID-19

BANK MUAMALAT

TABUNG BANTUAN BENCANA NEGARA

1601-000 1138-71-4

Agensi Pengurusan Bencana Negara
Aras B1, 6 dan 7, Blok DS
Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P. Putrajaya

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Pembersihan, nyahkuman di Masjid Sri Petaling

Sungai Buloh: Kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur akan dilaksanakan susulan kes positif jangkitan COVID-19 membabitkan peserta ijtimaq tabligh di masjid berkenaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, ketika memaklumkan perkara itu, berkata kes jangkitan COVID-19 membabitkan peserta perhimpunan tabligh pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu itu adalah kluster baharu.

"Setakat ini, ada tiga kes positif COVID-19 berkaitan perhimpunan keagamaan itu, iaitu masing-masing satu kes di Kuantan, Tawau dan Brunei. Serentak itu, masjid berkenaan ditutup untuk pembersihan dan disinfeksi," katanya pada sidang media selepas melawat Hospital Sungai Buloh, di sini semalam.

Dianggarkan, lebih 10,000 orang terbabit dalam perhimpunan di masjid itu membabitkan jemaah dari pelbagai negara. Daripada jumlah itu, difahamkan lebih separuh terdiri daripada jemaah Malaysia.

Dr Adham merayu mereka yang menghadiri majlis berkenaan supaya tampil membuat saringan kesihatan di 57 hospital kerajaan atau mana-mana hospital swasta yang mempunyai kemudahan saringan.

Sementara itu, *Harian Metro* yang membuat tinjauan di masjid terbabit semalam, mendapati kebanyakan jemaah majlis ijtimaq berakhir 1 Mac lalu, hadir membuat ujian saringan kesihatan se-



Jemaah tabligh menghadiri perhimpunan di Masjid Jamek Seri Petaling, pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu diminta tampil membuat saringan kesihatan di hospital kerajaan atau swasta. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

perti disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bakri Che Muhamad, 57, dari Taman Maluri, Cheras, berkata sebaik mengetahui gesaan KKM supaya jemaah menghadiri majlis berkenaan perlu melakukan ujian saringan COVID-19, beliau berasa bertanggungjawab untuk melakukan saringan itu.

"Alhamdulillah, hasil ujian sudah diketahui dan saya negatif virus berkenaan berdasarkan beberapa ujian dilakukan doktor," katanya sambil menambah, ramai dalam kalangan jemaah dihubungnya turut ke klinik kesihatan terdekat untuk membuat saringan.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Pengerusi masjid, Mohd Salleh Abd Mubin dalam reaksinya ketika tinjauan *BH*,

memaklumkan pengurusan masjid sudah meminta peserta ijtimaq menjalani saringan kesihatan di klinik atau hospital berhampiran, jika ada menunjukkan gejala.

Kes jangkitan COVID-19 membabitkan peserta perhimpunan tabligh pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu itu adalah kluster baharu.

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

"Kita sudah minta 12,000 peserta buat saringan kesihatan, tetapi ia tanggungjawab mereka, sama ada mahu melakukannya atau tidak. Kita tak boleh paksa kerana mereka datang dari 25 negara berlainan.

"Sebahagian besar peserta sudah balik ke kawasan masing-masing, cuma dua yang juga warga asing masih terbabit dalam aktiviti tabligh di negara ini," katanya turut memuji langkah KKM menjalankan kerja pembersihan dan ujian saringan di masjid itu sejak kelmarin.

Katanya, selepas perhimpunan terbabit, tiada lagi program membabitkan kehadiran ramai diadakan di masjid berkenaan dan pihaknya turut menyediakan cecair pembasmi kuman pada tangan untuk kegunaan jemaah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

WHO ISYTIHARKAN SEBAGAI PANDEMIK



COVID-19

127.750
DIJANGKITI

4.635
KEMATIAN

123
NEGARA DIJANGKITI

158
KES DI MALAYSIA

- Malaysia catat 9 kes baharu
- Khutbah Jumaat dipendekkan
- Jemaah disaran berwuduk di rumah
- Mereka ada gejala Covid-19 dikecualikan solat Jumaat
- KKM sahkan peserta ijtimaq Tabligh positif virus
 - Semua perhimpunan disaran ditangguh
- Malaysia Airlines gantung penerbangan ke Seoul

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16A

RUANGAN : LOKAL



Shah Alam: Mahkamah Majistret di sini, semalam mengeluarkan waran tangkap terhadap ahli perniagaan kontroversi, Nur Sajat kerana tidak hadir tanpa sebarang alasan bagi pendakwaan kes di mahkamah itu.

Dia dituduh memiliki untuk tujuan jualan 11 produk yang bukan keluaran berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengikut Peraturan 7(1)(a) Dadah dan Kosmetik 1984.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum iaitu denda tidak melebihi RM 25,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Sumber berkata, malangnya Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman tidak hadir semasa pengurusan kes berkenaan pagi semalam.

“Waran tangkap itu dikeluarkan terhadap Nur Sajat kerana tidak hadir tanpa sebarang alasan bagi pendakwaan kes di mahkamah itu.

“Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Nor Aini Suzila Zakariah dari Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor,” katanya. - *Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin*

Waran tangkap buat Nur Sajat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2A

RUANGAN : LOKAL



SOLAT JUMAAT DITERUSKAN

Jabatan Perdana Menteri saran tempoh khutbah dipendekkan elak risiko dijangkiti virus

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Khutbah solat Jumaat perlu dipendekkan saran Jabatan Perdana Menteri ketika negara sedang berdepan dengan penularan wabak Covid-19.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, saranan itu antara lima kertas kerja yang akan dikemukakan kepada Majlis Fatwa untuk dibincang dan mendapatkan solusi berkenaan situasi yang berlaku ketika ini.

Menurut Dr Zulkifli, melalui kertas kerja itu, beliau menyarankan jemaah mengambil wuduk di rumah dan pihak masjid diminta menyediakan penutup mulut dan cecair pembasmi kuman sebagai langkah pencegahan.

Menurut beliau, mereka yang mengalami simptom Covid-19 tidak perlu hadir solat Jumaat kerana termasuk dalam golongan orang yang sakit.

"Individu yang disahkan positif Covid-19 dibolehkan tidak mengerjakan solat

Jumaat, tetapi diganti dengan solat Zuhur di rumah masing-masing," katanya selepas menghadiri majlis Tausiyah AM agensi agama di Masjid Tuanku Mizan Sultan Zainal Abidin di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalannya, Ahmad Marzuki Shaary dan Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Paimuzi Yahya.

Dr Zulkifli hadir di Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin pada jam 8.45 pagi bagi memulakan tugasnya dengan melakukan solat dhuha dan bacaan doa selepas selesai solat.

Beliau berkata, situasi semasa penularan virus Covid-19 yang masih terkawal di negara ini tidak memerlukan solat Jumaat dihentikan.

Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor baru-baru ini dilaporkan berkata kerajaan wajib mengambil apa juga langkah untuk mencegah penyakit berjangkit daripada tersebar dan mengancam kesihatan serta nyawa rakyat termasuk tindakan menghentikan buat sementara solat berjemaah di masjid dan solat Jumaat.

Segera hubungi Pejabat Kesihatan Daerah

Putrajaya: Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri meminta peserta yang menghadiri ijtimaq tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari lalu supaya segera menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah.

Dalam satu kenyataan semalam, Zulkifli berkata ia seiring dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung penularan jangkitan Covid-19.

Mereka yang berkenaan diminta menghubungi Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan KKM atau Pejabat Kesihatan Daerah, katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk

Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata seorang warga tempatan berusia 60 tahun disahkan positif Covid-19 selepas menghadiri perhimpunan itu yang berlangsung pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Brunei dalam kenyataannya mengesahkan kes pertama positif Covid-19 di negara itu dijangkiti ketika hadir satu majlis keagamaan di Malaysia.

Sehubungan itu, semua jabatan Kesihatan Negeri kini giat mengesan lebih 5,000 peserta Malaysia yang menyertai perhimpunan yang dijangkakan dihadiri oleh 10,000 peserta dari beberapa buah negara.

ENDEMIK, EPIDEMIK DAN PANDEMIK?

Tiga perkataan ini kerap digunakan untuk menunjukkan betapa seriusnya sesuatu penyakit menular, namun ia membawa maksud yang berbeza.

ENDEMIK (En-demi-k)

Di dalam-daerah/orang

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

Contoh: Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia.

EPIDEMIK (Epi-demi-k)

Di kalangan-daerah/orang

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai 'wabak'. Sebagai contoh, jangkitan demam kepala pada dua kes yang saling berkait di anggap wabak/epidemi.

Contoh: Kejadian polio di Sobah pada tahun 2019.

PANDEMIK (Pan-demi-k)

Semua-daerah/orang

Kejadian wabak besar-besaran ke seantero dunia. Merentasi wilayah dan melibatkan populasi yang besar. Kebiasannya melibatkan jangkitan penyakit baharu (novel).

Ciri pandemik adalah melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Ia melibatkan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

Contoh: Kejadian Black Death dari kurun ke-14 hingga kurun ke-17 yang melibatkan kematian 2/3 penduduk dunia (penyakit hawar/yersinia pestis).

SUMBER: Kementerian Kesihatan Malaysia



Ramai hadir buat saringan kesihatan

Kuala Lumpur: Kebanyakan jemaah Majlis Ijtimaq Tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur hadir membuat ujian saringan kesihatan seperti disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelak penularan wabak Covid-19 dalam komuniti.

Seorang jemaah, Bakri Che Muhamad, 57, berkata, sebaik mengetahui gesaan KKM supaya jemaah yang menghadiri majlis pada 28 Februari hingga 1 Mac itu perlu melakukan ujian saringan Covid-19, dia rasa bertanggungjawab untuk melakukan perkara itu.

"Saya menaik Grab datang dari Taman Mahuri ke masjid ini yang diberitahu ujian saringan akan dibuat di sini. "Alhamdulillah, hasil ujian sudah diketahui dan saya negatif virus berkenaan berdasarkan beberapa ujian

dilakukan doktor," katanya.

Katanya, ramai dalam kalangan jemaah yang dihubunginya menunaikan tanggungjawab masing-masing pergi ke klinik kesihatan daerah terdekat untuk membuat saringan.

"Orang ramai jangan risau, kami tahu tanggungjawab dan datang untuk membuat saringan kesihatan.

"Tiada siapa akan melarikan diri, contoh seperti hari ini ramai yang datang melakukan ujian kesihatan," katanya.

Katanya, ramai rakannya yang hadir disahkan negatif Covid-19.

"Alhamdulillah semoga Allah memelihara kami daripada sebarang penyakit berbahaya," katanya.

Menurutnya, majlis ijtimaq itu adalah program tahunan yang dihadiri lebih 10,000 jemaah Malaysia.



DR Zulkifli membacakan doa pada majlis di Masjid Tuanku Mizan Sultan Zainal Abidin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : A3

RUANGAN : LOKAL



PENGGUNA kemudahan awam memakai penutup mulut sebagai langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di Stesen Masjid Jamek, Kuala Lumpur.



KELABAHAN di Masjid Seri Petaling semalam.

9 LAGI KES DILAPORKAN

Jumlah kumulatif kes positif adalah sebanyak 158

Oleh Redzuan Muharam
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sembilan lagi kes Covid-19 dilaporkan kepada Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 158.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 127 kes dikesan dari kontak rapat, 26 kes dikesan dalam kalangan pesakit dalam siasatan (PUI), dua kes membabitkan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI), dua kes dari Misi Bantuan Kemanusiaan dan satu lagi adalah Influenza-Like-Illness (ILI) melalui surveilans Covid-19.

"Hari ini (semalam), terdapat enam kes sudah pulih dan semuanya (kes) negatif Covid-19 sebanyak dua kali berturut-turut sebelum dibenarkan pulang.

"Dengan jumlah baru discaj ini menjadikan

jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya setakat ini dari Covid-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak 32 kes.

"Pada masa ini terdapat tiga kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang memerlukan bantuan alat pernafasan dan mereka dalam keadaan stabil," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM mengambil maklum kenyataan Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO) bertarikh 11 Mac mengenai situasi terkini Covid-19 di peringkat global membabitkan 114 negara.

"Kita juga maklum dengan pengumuman WHO yang mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik dengan mengambil kira ada peningkatan kes yang ketara di negara selain China.

"Jumlah kes di negara selain China dijangka terus meningkat. WHO juga memaklumkan bahawa langkah pencegahan dan kawalan yang dijalankan masih relevan dan dicadangkan untuk dipertingkatkan.

"Dengan pengumuman ini, KKM akan terus memastikan langkah kawalan dan

pencegahan jangkitan Covid-19 yang dijalankan dikaji mengikut situasi semasa di negara kita dan akan dipertingkatkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengingatkan jemaah tabligh yang terlibat dalam perhimpunan di Masjid Seri Petaling untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran untuk penilaian risiko jangkitan Covid-19 dan tindakan selanjutnya.

"Orang awam yang terlibat dengan perhimpunan itu diminta untuk memberi kerjasama dan mematuhi nasihat yang diberikan KKM demi memastikan tiada penularan jangkitan Covid-19 dalam masyarakat umum.

"KKM juga sudah memaklumkan mengenai kejadian itu kepada International Health Regulations (IHR) Focal Point (FP) negara-negara yang mempunyai peserta dalam majlis berkenaan.

"Orang awam diminta tidak menyebarkan maklumat tidak sahih berkaitan jangkitan Covid-19 yang membabitkan perhimpunan tabligh ini demi menjaga keharmonian umum," katanya.

Jumlah kes di negara selain China dijangka terus meningkat

Seorang peserta ijtihad tabligh sah positif Covid-19

Kuala Lumpur:

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan seorang peserta ijtihad tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 28 Februari hingga 1 Mac lalu positif Covid-19.

Pesakit yang dikenal pasti warga tempatan berusia 60 tahun itu adalah kes ke-131 yang dikesan KKM dan mula mempunyai gejala demam, batuk serta sesema pada 4 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit itu sesak nafas pada 8 Mac dan dimasukkan ke Hospital

Bentong pada hari yang sama.

"Satu siasatan teliti dilakukan terhadap pesakit ke-131 itu dan mendapati dia mempunyai sejarah menghadiri perjumpaan ijtihad tabligh di Masjid Seri Petaling.

"Berdasarkan maklumat awal, perhimpunan tabligh itu membabitkan anggaran 10,000 orang dari beberapa negara termasuk Malaysia dengan penyertaan melebihi 5,000 orang," katanya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Menurutnya, pesakit kemudiannya dirujuk ke Hospital Tengku Ampuan

Afzan (HTAA) Kuantan pada 9 Mac dan ujian pengesanan Covid-19 yang diambil bagi kes ini disahkan positif pada keesokan hari.

"Ketika ini pesakit ini sudah ditingkatkan dalam wad isolasi dan sedang menerima rawatan," katanya.

Katanya, KKM menasihatkan mereka yang menghadiri ijtihad tabligh di Masjid Seri Petaling dari 28 Februari hingga 1 Mac lalu segera menghubungi pejabat kesihatan daerah untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 dan berhubung terus CPRC hotline atau Pejabat Kesihatan Daerah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4A

RUANGAN : LOKAL

FOTO: AIZUDDIN SAAD

Elak perhimpunan

KKM gesa perkumpulan umum ditangguhkan serta-merta



Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa semua perhimpunan membabitkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sekiranya mengalami gejala jangkitan sahurah pernafasan, dinasihatkan supaya tidak menghadiri program yang membabitkan orang ramai atau

Penerbangan ke Seoul digantung

Kuala Lumpur: Malaysia Airlines menggantung sementara penerbangan ke Seoul membabitkan laluan dua hala bermula hari ini hingga 31 Mac.

Syarikat penerbangan itu dalam satu kenyataan berkata, berkuatkuasa hari ini, kerajaan Malaysia mengenakan sekatan perjalanan kepada semua rakyat Iran, Itali dan Korea Selatan manakala rakyat Malaysia yang pulang dari negara berkenaan akan dikenakan kuarantin selama 14 hari.

"Disebabkan oleh sekatan itu, Malaysia Airlines menggantung sementara penerbangan 12 kali seminggu antara Kuala Lumpur dan Seoul sehingga 31 Mac 2020.

"Malaysia Airlines akan mengendalikannya penerbangan terakhirnya pada hari ini (semalam) melalui pesawat MH66 dari Kuala Lumpur ke Incheon dan pulang pada 13 Mac 2020 melalui MH67 dari Incheon ke Kuala Lumpur.

"Penumpang yang terjejas berhak meminta tarikh perjalanan alternatif lain sehingga 31 Disember 2020, meminta bayaran balik sepenuhnya atau memilih untuk dialihkan ke destinasi lain di China (Shanghai, Beijing, Guangzhou, Hong Kong atau Xiamen) atau Jepun (Narita dan Osaka)," katanya.

tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan.

"Individu yang bergejala dinasihatkan menjauhi diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter apabila berdepan dengan individu lain.

"KKM menasihatkan orang ramai tidak melangkah ke luar negara terutama ke negara yang mengalami wabak jangkitan Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di Facebook.

Dr Noor Hisham berkata, rakyat Malaysia yang bergejala jangkitan saluran pernafasan tidak melawat kawasan lain di Malaysia ketika cuti sekolah.

"Amalkan langkah-langkah pencegahan dan jaga kebersihan diri," katanya. Sementara itu, Dr

Noor Hisham berkata, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyiapkan kertas kerja berkaitan Covid-19 bagi solat Jumaat dan aktiviti keagamaan susulan penularan jangkitan virus itu.

"Perbincangan bersama diadakan pada minggu lalu untuk kesiapsiagaan menbendung penularan gelombang kedua Covid-19.

"Kertas kerja itu termasuk panduan bersalaman, kenduri kahwin dan pengurusan jenazah," katanya.

Semalam, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik iaitu penularan dan keadaan wabak yang sangat membimbangkan.



TEH (kiri) bersama bapanya dan Pegawai Khas Menteri Besar Kedah, Teh Kok Soo (kanan) menunjukkan gambar yang tersebar di laman sosial kononnya mereka sekeluarga dijangkiti Covid-19.

'Kenapa fitnah kami?'

Alor Setar: "Kami semua sihat dan bekerja seperti biasa, malah tidak dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sekarang ini," kata Teh Chao Sin, 26.

Wanita itu adalah individu yang menjadi mangsa maklumat palsu di media sosial apabila dikatakan dia dan ahli keluarga dikuarantin di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) kerana dijangkiti Covid-19.

Malah, Teh berkata, individu terbahit turut menularkan gambar kononnya dia dan ibu berada di luar negara sebelum ini, sedangkan mereka tidak pernah pergi ke mana-mana.

Menurutnya, maklumat mengenai mereka sekeluarga dijangkiti Covid-19 mula tular melalui WeChat, Facebook dan Instagram sejak 10 Mac lalu namun dia hanya mengetahuinya kelmarin.

"Individu terbahit turut meminta orang ramai supaya jangan menghampiri kedai makan bapa di Jalan Pintu 10 di sini, kononnya bimbang dijangkiti wabak ini.

"Berikutan penyebaran maklumat palsu itu, kami kehilangan ramai pelanggan tetap dan perniagaan bapa turut terjejas sejak dua hari lalu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Singgang, kari bukan penawar Covid-19

Kuala Nerus: Orang ramai diminta supaya menghentikan segala spekulasi yang tidak berasas berkaitan Covid-19 di negara ini termasuk dakwaan kononnya ikan singgang mampu merawat penyakit berkenaan.

Pengarah *Tropical Infectious Diseases & Education Centre* (Tidrec) Universiti Malaya (UM) Prof Dr Sazaly Abu Bakar berkata, bukan sahaja ikan singgang, tetapi kari juga antara menu yang kini tular didakwa mempunyai potensi merawat Covid-19 itu.

"Ikan singgang didakwa mempunyai potensi merawat Covid-19 kerana alasan mengandungi bahan tertentu seperti kunyit dan

lengkuas yang boleh melawan mikroob.

"Masakan kari pula didakwa berkhasiat dan mampu mencegah dan merawat Covid-19 kerana penduduk di India yang suka makan kari setakat ini tiada kes dijangkiti penyakit berkenaan," katanya ketika ditemui pada Forum Covid-19 antara Spekulasi dan Realiti di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, semalam.

Dr Sazaly berkata, tiada sebarang kajian dan penyelidikan yang dibuat ke atas ikan singgang atau kari bagi membuktikan keberkesanan masakan itu melawan penyakit.

PENUMPANG memakai topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga penularan Covid-19 dan baki perlepasan kolaborasi lengan ketika tujuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA), Sepang.



“KKM menasihatkan orang ramai tidak melangkah ke luar negara”
Dr Noor Hisham

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL



COVID-19

DIISYTIHAR SEBAGAI PANDEMIK SELURUH DUNIA



MAS
tawar cuti
tanpa gaji
kepada
13,000
kakitangan



UiTM ambil
langkah
tunda
istiadat
konvokesyen
2020



Kes TMDB
ditangguh,
peguam Najib
dikuarantin
kerana
Covid-19

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan koronavirus (Covid-19) sebagai pandemik sekali gus menegaskan penularan dan keadaan wabak itu yang teruk amatlah membimbangkan.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata, virus berkenaan telah menjangkiti lebih 126,144 orang di 118 negara dan meragut 4,630 nyawa setakat ini, bahkan angka terbabit dijangka terus meningkat.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberitahu, keadaan di Malaysia masih lagi terkawal dan kerajaan tidak perlu membuat pengisytiharan berada pada zon oren seperti dilakukan pemerintah Singapura.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Kesihatan mengambil maklum perkara itu dan meningkatkan lagi kesiapsiagaan dalam menghadapi wabak berkenaan.



TEDROS ADHANOM

MUKA 2, 3, & 4

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

WHO isytihar Covid-19 pandemik

Koronavirus kini menyerang 118 negara, catatkan 126,144 kes jangkitan dan 4,630 kematian

GENEVA

Wabak coronavirus (Covid-19) diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) selepas ia kini menyerang 118 negara.

Berdasarkan laporan WHO, jumlah jangkitan Covid-19 telah direkodkan sebanyak 126,144 kes manakala 4,630 kematian dicatatkan di seluruh dunia setakat semalam.

Kelmarin, Ketua WHO, Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata, sejak dua minggu lalu, angka jangkitan Covid-19 di luar China telah meningkat 13 kali ganda manakala jumlah negara terjejas menyaksikan peningkatan tiga kali ganda walaupun kes virus tersebut semakin menurun di Beijing.

Menurutnya, beliau sangat bimbang dengan tahap ketidakpastian virus tersebut.

"Keputusan melabel wabak itu sebagai pandemik tidak berakna WHO mengubah nasihat tentang langkah pembenahan yang perlu diambil segera," ujarnya.



TEDROS ADHANOM GHEBREYESUS

Beliau turut menggesa negara antarabangsa menukar langkah dengan mengambil tindakan segera dan agresif.

"Sesetengah negara telah membuktikan wabak itu boleh dibendung dan dikawal. Ini ialah cabaran yang perlu dihadapi oleh negara yang berdepan kluster lebih besar atau penyebaran tempatan.

"Kita akan menghadapi secara bersama dengan tenang dan melindungi penduduk seluruh dunia. Ia pasti boleh dilaksanakan," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Program Kecemasan WHO, Mike Ryan menyifatkan situasi di Iran adalah sangat serius.

"Kita perlu bertindak sekarang. Itali dan Iran berada pada tahap kritikal pada masa ini. Negara lain mungkin mengalami nasib sama tidak lama lagi," ujarnya. - Agensi

SEKILAS WABAK COVID-19

Jumlah keseluruhan kes:
Total cases:

126,144

Jumlah kematian keseluruhan:
Total deaths:

4,630
(3.67%)

Jumlah kes sembuh
Total recovered cases:

68,216
(54.08%)

Negara yang terlibat:
No. of countries involved:

118

26
(17.45%)

Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths
China	80,980	3,191	India	62	0	Afrika Selatan	13	0
Itali	12,462	827	San Marino	62	3	Serbia	12	0
Iran	9,000	354	Lubnan	61	1	Azerbaijan	11	0
Korea Selatan	7,755	61	Mesir	60	1	Brunei	11	0
Perancis	2,284	48	Finland	59	0	Latvia	10	0
Sepanyol	2,277	47	Portugal	59	0	Slovakia	10	0
Jerman	1,966	3	Thailand	59	1	Belarus	9	0
Amerika Syarikat	1,311	31	Slovenia	57	0	Colombia	9	0
Switzerland	652	3	Brazil	52	0	Maldives	8	0
Jepun	639	14	Filipina	49	1	Mexico	8	0
Norway	629	0	Romania	47	0	Panama	8	1
Denmark	516	0	Arab Saudi	45	0	Afghanistan	7	0
Belanda	503	5	Ireland	43	1	Bosnia Herzegovina	7	0
Sweden	500	8	Vietnam	38	0	Bulgaria	7	0
United Kingdom	459	6	Indonesia	34	1	Luxembourg	7	0
Belgium	314	3	Poland	31	0	Makedonia Utara	7	0
Qatar	262	0	Georgia	24	0	Tunisia	7	0
Austria	246	0	Chile	23	0	Cyprus	6	0
Bahrain	195	0	Costa Rica	22	0	Malta	6	0
Singapura	178	0	Algeria	20	0	Maghribi	6	1
Malaysia	158	0	Rusia	20	0	Republik Dominika	5	0
Australia	128	0	Argentina	19	1	Guiana Perancis	5	0
Kanada	117	1	Croatia	19	0	New Zealand	5	0
Israel	109	0	Pakistan	19	0	Paraguay	5	0
Greece	99	1	Oman	18	0	Senegal	4	0
Republik Czech	94	0	Ecuador	17	0	Bangladesh	3	0
Iceland	85	0	Estonia	16	0	Kemboja	3	0
UAE	74	0	Albania	15	0	Lithuania	3	0
Kuwait	72	0	Hungary	13	0	Martynique	3	0
Iraq	71	8	Peru	13	0	Moldova	3	0

Jumlah negara dengan satu kes **15** Jumlah negara dengan dua kes **7**

Sumber: CPKC Kebangsaan dan WHO UKK MOH

Lain: Bil. kes (Masa pandemik) **696** **7**
 (Dikemaskini jam 11.00 pagi, 12 Mac 2020)
 (Updated at 11.00 am, 12 March 2020)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

Buat saringan Covid-19

Semua peserta himpunan tabligh diminta buat pemeriksaan

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

SUNGGAI BULOH

Semua peserta himpunan Ijtima Tabligh di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling pada 28 Februari lalu diharap segera tampil membuat saringan Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pihaknya kini sedang menjejaki peserta himpunan tabligh berkenaan susulan seorang peserta dari Brunei dikesan positif virus itu selepas pulang daripada majlis tersebut.

Menurutnya, dua peserta himpunan berkenaan telah dikesan positif Covid-19 masing-masing dari Tawau, Sabah dan Kuantan, Pahang.

"Kita merayu kepada semua yang pergi ke himpunan itu untuk datang membuat saringan. Kita ada 57 hospital yang boleh membuat saringan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di Hospital Sungai Buloh di sini semalam. Dr Adham berkata, Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling itu akan ditutup sementara dalam masa terdekat bagi membolehkan proses disinfeksi dilakukan.

"Saya harap mereka yang ada simptom-simptom demam, selesema, batuk



Dr Adham Baba (duduk di tengah) pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja di Hospital Sungai Buloh semalam.

dan sesak nafas agar menjauhi orang ramai. Ini demi kebaikan bersama," katanya.

Ditanya mengenai rakyat Malaysia yang mahu pulang dari negara-negara yang disekat seperti Itali, Korea Selatan dan Iran, Dr Adham berkata, itu tidak menjadi masalah kerana setiap pintu masuk negara mempunyai pengimbas haba.

"Sekiranya ada simptom Covid-19, kita bawa ke hospital untuk saringan dan jika positif, rawatan akan diberikan," katanya.

Mengulas lanjut, Covid-19 telah memasuki fasa kedua di Malaysia dan pihak KKM kini berada dalam keadaan bersedia siaga.

"Tahap siap siaga berada di tahap

tertinggi. Kita boleh menerima kes-kes sekiranya ia menular dengan pantas.

"Fasa pertama Covid-19 di mana pesakit dari luar negara yang dijangkiti berjaya dikekang. Apa yang kita lalui sekarang ialah kontak dalam negara dan penularan antara kontak selepas mereka bertemu," katanya.

